



KIT MEDIA

PROGRAM PEMBANGUNAN AISKRIM SEAWEEED (*Sweetties*) DAN PADANAN USAHAWAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan inovasi produk berasaskan rumpai laut yang dilaksanakan oleh QAF Foods dengan menghasilkan aiskrim dan kon yang dinamakan ***Sweetties***.
2. Ini bertujuan untuk **mempromosikan industri rumpai laut** negara bagi membantu meningkatkan permintaan dan pendapatan pengusaha serta membantu meningkatkan harga semasa rumpai laut juga perluasan potensi pasaran tempatan dan juga eksport.
3. Pihak Kerajaan sentiasa menggalakkan usahawan bagi menceburi industri pemprosesan makanan dan sejajar dengan hasrat tersebut, inisiatif telah diambil dengan menyediakan **Padanan Perniagaan dan Kursus Pembuatan Aiskrim** bagi melahirkan usahawan yang berpengetahuan, berkualiti dan berdaya maju.
4. Seiring dengan pembangunan huluan rumpai laut, pelbagai **program R&D** telah dijalankan dengan kerjasama agensi seperti MARDI dan SIRIM serta Institut Pengajian Tinggi yang mampu menghasilkan nilai tambah kepada produk rumpai laut. Antara penyelidikan yang dijalankan oleh pihak MARDI telah membuktikan bahawa rumpai laut mengandungi **kandungan gel karagenan** yang paling berkualiti.

5. **Sweeties** adalah produk yang menarik selaras dengan hasrat MOA untuk menjadikan rumpai laut sebagai '**Malaysian Super Food**' kerana mengandungi **khasiat, vitamin dan mineral** yang tinggi serta sebagai **anti oksidan** untuk kulit dan pengawalan berat badan. Ianya akan dicadangkan kepada FAO dalam usaha untuk meningkatkan lagi promosi rumpai laut di peringkat antarabangsa.

6. Rumpai laut juga digunakan secara meluas sebagai **émulsifier** dan **binding agent** yang digunakan secara meluas di dalam industri makanan seperti aiskrim, dan juga boleh dijadikan **edible film** yang boleh digunakan dalam pembuatan **kon aiskrim, straw minuman**, keju, sosej, kopi perasa makanan dan lain-lain.

#####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat,
Jabatan Perikanan Malaysia
30 April 2019 (Selasa)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)
013- 631 7313 (Mohd Sharir)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my